

26.8.2021

Siaran Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PEMBAYARAN BIL AIR PULAU PINANG DALAM TALIAN YANG “SELAMAT”, KINI TANPA CAJ TAMBAHAN

- **PBAPP menanggung caj transaksi untuk pembayaran dalam talian melalui aplikasi mudah alih “myPBA” dan “Portal Web myPBA”.**
- **Bayaran minimum untuk pembayaran dalam talian (melalui e-perbankan atau kad kredit) adalah RM5.00.**

PULAU PINANG, Khamis, 26.8.2021: Pengguna air Pulau Pinang kini boleh membayar bil air mereka melalui aplikasi mudah alih “myPBA” atau portal web “myPBA” (yang dapat diakses melalui pelayar web) tanpa sebarang tambahan bayaran transaksi.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menanggung caj transaksi RM0.60 setiap pembayaran yang sebelum ini dibayar oleh pengguna air.

Objektif utama PBAPP untuk menanggung pembayaran caj transaksi RM0.60 adalah untuk menggalakkan seramai mungkin pengguna air menjelaskan bil air mereka secara dalam talian. Memandangkan pandemik Covid-19, kami menggalakkan pembayaran bil air dalam talian sebagai pilihan terbaik dan paling selamat untuk semua pihak.

Pembayaran boleh dilakukan melalui **e-banking atau kad kredit** menerusi aplikasi mudah alih “myPBA” atau portal web “myPBA”.

Harap maklum bahawa pembayaran minimum RM5.00 ditetapkan untuk semua transaksi melalui aplikasi mudah alih “myPBA” atau portal web “myPBA”.

Aplikasi mudah alih “myPBA” dan Portal Web “myPBA”

Pengguna dengan peranti iOS atau Android boleh memuat turun aplikasi mudah alih “myPBA” dari Apple App Store atau Google Play Store.

Aplikasi “myPBA” membolehkan pengguna **melihat dan membayar berbilang akaun air dengan satu pendaftaran e-mel**. Aplikasi ini juga membolehkan pengguna membuat aduan mengenai masalah bekalan air, melihat kapasiti efektif 3 empangan utama Pulau Pinang dalam talian, mengakses senarai tukang paip berdaftar dan mencari pusat khidmat pelanggan PBAPP terdekat jika mereka memerlukan bantuan.

Selain itu, aplikasi ini juga mengemaskini pengguna berkenaan status perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang, melalui akses kepada siaran media PBAPP, laporan berita dan kemas kini berkala mengenai kerja-kerja air dan operasi pembaikan saluran paip.

Pengguna yang lebih suka menggunakan komputer peribadi mereka juga boleh menggunakan pelayar web mereka untuk melawati portal web “myPBA” (<https://mypbaportal.pba.com.my>). **Portal web ini juga membolehkan pengguna melihat dan membayar beberapa akaun air dengan satu pendaftaran e-mel.**

Pengguna berdaftar “portal web myPBA” boleh melihat dan memuat turun 6 bil air sebelumnya, melihat trend penggunaan air mereka untuk 6 bil terakhir mereka dan mengesan kembali penyata akaun air mereka hingga 2018.

Pengguna air Pulau Pinang boleh mengetahui lebih lanjut mengenai aplikasi mudah alih “myPBA” atau “portal web myPBA” dengan melayari laman web kami (www.pba.com.my).

Mereka juga boleh menghubungi Pusat Panggilan 24 jam kami (no. tel: 04 255 8 255) untuk pertanyaan dan bantuan.

Terima kasih.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs


Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

LAMPIRAN A:

Pengguna air Pulau Pinang kini boleh membayar bil air mereka melalui aplikasi mudah alih “myPBA” atau portal web “myPBA” tanpa bayaran transaksi .



Aplikasi “myPBA”



Portal web “myPBA”